

Pupuk ilmu perniagaan seusia muda

Seronoknya berniaga! Betul kata orang, 'tak kenal maka tak cinta'. Tetapi bila kita mengenali dengan lebih mendalam dan luas, baru kita tahu nikmat sebenarnya dan kenapa Nabi melakkan umatnya berniaga. Maka tidak hairanlah sembilan daripada 10 rezeki di dunia ini, adalah melalui perniagaan kerana berniaga itu mempunyai keunikannya tersendiri, satu kepuasan kerana cabarannya berbeza daripada makan gaji.

Dalam perniagaan, peniaga berinteraksi secara terus dengan pelanggan, usaha dan tenaga sendiri dan sudah semestinya dengan pertolongan Allah juga. Walaupun begitu, masih ada yang musykil dan rasa mustahil untuk berniaga. Tetapi, betulkah berniaga itu sukar?

Seperti mana belajar, berniaga juga perlu ada permulaan. Kebanyakan rakyat Malaysia mula belajar secara formal seawal usia lima tahun, malah ada lebih awal daripada itu. Begitu juga dengan berniaga, tidak kira bila seseorang itu bermula, sama ada pada usia muda, pertengahan atau tua. Malah ada yang berkata 'saya bukan dilahirkan untuk berniaga dan tiada darah peniaga.'

Percayalah, itu omongan kosong dan tiada dalil mengatakan seseorang berniaga sebab keturunan. Ketika dilahirkan, tiada cop

atau cap di dahi mengatakan apabila dewasa seseorang itu akan menjadi usahawan, pensyarah, guru, askar atau apa sekalipun.

Maksudnya, seorang yang berniaga bukan kerana dia berketurunan saudagar atau dilahirkan untuk jadi usahawan, tetapi kerana sifat keusahawan itu boleh dipupuk dan dibajai dengan ilmu perniagaan seeloknya dari seusia muda.

Otak semakin ligat, kreatif

Sebenarnya apabila seseorang ingin berniaga, otaknya menjadi semakin ligat dan kreatif. Minda menjadi semakin kritis untuk mencari ruang dan peluang. Setiap masalah yang sesiapa hadapi adalah peluang bagi seorang peniaga. Contohnya, orang yang menghadapi masalah mencari makanan halal adalah peluang bagi orang yang ingin menyediakannya.

Makanan halal akan menjadi darah daging empunya diri dan seterusnya akan membentuk peribadinya, seperti terkandung dalam al-Quran daripada Firman Allah dalam surah Al-Baqarah, ayat 168 yang bermaksud, "Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu".

Makanan haram akan memberi kesan pada empunya diri yang

boleh menjuruskan kepada hati menjadi gelap, tertutup, degil dan keras. Malah yang lebih teruk perangai dan akhlak menjadi semakin teruk dan buruk. Nauzubillah! Bukankah untungnya orang menyediakan makanan halal dan toyyiban. Dengan memakan makanan halal akan menyebabkan darah yang mengalir dalam diri seseorang itu bersih yang akhirnya menjuruskan kepada akhlak baik dan membuat perkara baik. Alangkah ini pahala kepada penyediaanya secara tidak langsung?

Memang tidak dinafikan, berniaga memerlukan tenaga, begitu juga pekerjaan lain di dunia ini. Malah untuk berniaga juga memerlukan masa dan ilmu. Mungkin perlu sedikit pelaburan mendapatkan ilmu bagi memulakan perniagaan kerana ini dapat menyelamatkan seseorang daripada ditipu atau menanggung kerugian. Langkah pertama yang perlu dibuat untuk berjinak-jinak dalam perniagaan adalah memulakan promosi secara perkongsian.

Berkongsi cerita mengenai barang atau produk yang memberi manfaat pada anda dan orang lain, antara cara untuk memberi ilmu. "Lebih banyak ilmu diberi lebih banyak kita akan dapat nanti", itu kata-kata yang sering kita dengar daripada peniaga berjaya.

Jika anda tiada produk atau perkhidmatan untuk dikongsi, jangan

malu guna produk orang lain.

Jadi ejen atau setidak-tidaknya jadi *dropship* kepada produk tertentu yang memanfaatkan orang lain. Betulkan niat untuk berkongsi dengan orang lain supaya orang lain juga dapat manfaat.

Jangan pinjam jumlah banyak

Kemahiran berniaga ini seperti memandu, semakin dipraktikkan semakin mudah jadinya. Onak dan duri serta cabaran dan halangan memang menjadi resam dalam perniagaan, tetapi bergantung kepada bagaimana seseorang mengemudinya. Seorang peniaga perlu berani, yakin dan bijak membuat jangkaan. Jangan meminjam jumlah yang banyak untuk berniaga, memadai untuk membuat suntikan memulakan perniagaan.

Cari perniagaan halal yang memerlukan modal sedikit, sesuatu yang anda minat atau guna produk orang lain dahulu. Lama-kelamaan, secara beransur-ansur barulah anda cipta produk atau perkhidmatan sendiri dan ketika ini berlaku, anda sudah selesai untuk berniaga dan kurang perasaan takut atau ragu-ragu lagi.

Pada ketika ini, anda sedang meniti ke puncak kejayaan. Sabar dan usaha seperti yang terkandung dalam DUIT (Doa, Usaha, Istiqamah dan Tawakkal). Setidak-tidaknya, anda memenuhi tuntutan Sunnah Rasulullah SAW.

Komentaar



Prof Madya Dr Noor Azuan Hashim

Penyelaras kursus keusahawanan dan inovasi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM



Jika anda tiada produk atau perkhidmatan untuk dikongsi, jangan malu guna produk orang lain. Jadi ejen atau setidak-tidaknya jadi *dropship* kepada produk tertentu yang memanfaatkan orang lain"